

PENCALONAN ANUGERAH TOKOH AKADEMIK 2022

Anugerah Tokoh Akademik merupakan anugerah tertinggi universiti kepada pensyarah. Ia diwujudkan oleh UTM bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pensyarah yang telah menunjukkan kecemerlangan serta memberi sumbangan besar terhadap pembangunan dan peningkatan pendidikan di universiti ini. Anugerah ini dahulunya dikenali dengan nama Anugerah Tokoh Pendidik, tetapi mulai tahun 2010 ia diberi penjenamaan semula dengan nama Anugerah Tokoh Akademik. Penjenamaan semula ini adalah sejajar dengan usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang telah memperkenalkan Anugerah Tokoh Akademik Negara.

NILAI ANUGERAH

Penerima anugerah akan menerima:

1. Wang tunai berjumlah RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja)
2. Trofi
3. Sijil

KAEDAH PENCALONAN

1. Dicalonkan oleh Jawatankuasa Pemilih Anugerah Tokoh Akademik UTM ; atau
2. Dicalonkan oleh Sekolah / Fakulti / PTJ ; atau
3. Pencalonan diri sendiri melalui sokongan Sekolah / Fakulti / PTJ
4. Borang pencalonan boleh di dapati di <https://utmcdex.utm.my/anugerah-tokoh-akademik/>

SYARAT DAN PERATURAN UMUM

1. Pemohon ATA terbuka kepada semua pensyarah UTM.
2. Pemohon hendaklah merupakan pensyarah yang berkhidmat sepenuh masa sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai di UTM.
3. Pemohon telah berkhidmat di UTM sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun secara berterusan.
4. Permohonan hendaklah menggunakan borang rasmi dan disertakan dengan maklumat bukti yang sah dan lengkap.
5. Anugerah tidak akan diberi sekiranya tiada calon yang layak pada tahun yang dinilai.

KRITERIA PEMOHON

1. Menerajui secara **holistik** bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.
2. Berkhidmat sebagai pensyarah di universiti selama sekurang-kurangnya **15 tahun** dalam kerjaya akademik.
3. Menerima **anugerah atau pengiktirafan ketokohan** daripada universiti, badan profesional dan ilmiah yang berprestij pada peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.
4. Mendapat anugerah atau pengiktirafan bagi sumbangannya selama **10 tahun** kebelakangan dan tahun yang dinilai.
5. Membawa impak **secara langsung atau tidak langsung** kepada universiti & masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.
6. Menunjukkan **kecemerlangan secara berterusan** dalam bidang akademik yang diterajui.

TARIKH TUTUP PENCALONAN

Pengisian dan penyerahan borang bermula dari **7 Mac - 11 April 2023**

Proses perakuan dan penyerahan borang ke UTM CDex pada atau selewat-lewatnya **11 April 2023**

MAKLUMAT LANJUT



Layari <http://utmcdex.utm.my/anugerah-tokoh-akademik/>

Telefon: 07-5537854 / 07-5537858
Emel: nuril@utm.my / priscilla@utm.my

atau hubungi: Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Pemajuan Pembelajaran Digital dan Fleksibel (UTM CDex)
Bangunan Pusat Siswazah (Blok F54)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru

